

Headline **Wajah Nurul boleh dirawat sehingga pulih**
Date **03 Dec 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **88 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **765**
PRValue **2,295**



Wajah Nurul boleh dirawat sehingga pulih

KUALA LUMPUR – Kecacatan teruk wajah Nurul Dahyatul Fazlina Mat Haizan akibat simbahan asid oleh bapa sendiri boleh dibaik pulih sepenuhnya menerusi pembedahan plastik.

Pakar Surgeri dan Plastik Hospital Pantai Ampang, Dr. Cheong You Wei (**gambar**) bagaimanapun berkata, ia bergantung pada tahap kerosakan yang dialami kulit mang-



sa akibat simbahan bahan kimia tersebut.

Menurutnya, pakar pembedahan plastik tidak akan mampu membuat pembedahan sekiranya asid berkenaan masuk jauh ke dalam kulit wajah mangsa.

Kosmo! bagaimanapun difahamkan perbelanjaan bagi pembedahan seumpama itu akan menelan belanja RM3,000 ke atas.

“Kulit yang terjejas teruk masih boleh digantikan dengan kulit dari bahagian lain badan seperti paha atau leher,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut You Wei, kulit gantian itu biasanya akan diambil daripada anggota pesakit sendiri bagi mengelak komplikasi.

“Akan ada parut sedikit tetapi selepas pembedahan kulit itu akan lebih elok daripada sebelum pembedahan. Ia dapat mengurangkan keadaan wajah yang tidak elok itu,” ujarnya.